

## Konflik Klana-Bandar di Sungai Ujong, Negeri Sembilan, 1874

ABDULLAH ZAKARIA BIN GHAZALI\*

### Pendahuluan

**K**ONFLIK Klana-Bandar yang berlaku pada tahun 1874 adalah mencerminkan persaingan yang melibatkan kuasa, tokoh dan adat. Dalam konflik yang mencetuskan perang ini Dato' Klana Syed Abdul Rahman yang mendapat bantuan British ditentang oleh Dato' Syahbandar Abdullah Tunggal yang mendapat bantuan daripada Raja Mahmud Selangor.<sup>1</sup> Abdullah bin Ahmad adalah putera kedua daripada sembilan orang adik beradik keturunan Dato' Permas. Khatib Maharaja Abdullah menggantikan Dato' Syahbandar Lebai yang dilucutkan dalam suatu mesyuarat jawatan sebagai Dato' Syahbandar pada tahun 1845,<sup>2</sup> kerana Dato' Syahbandar Lebai gagal menyelesaikan perselisihan yang mencetuskan peperangan di antara sesama suku Waris di Air dan kemudiannya persaingan dengan Suku Rawa atau Tembusai. Beliau dikenali dengan panggilan Dato' Syahbandar Tunggal Kepayang.

Dato' Klana Syed Abdul Rahman atau Syed Ahman ialah anak Syed Ahmad al-Kadri dengan anak perempuan Dato' Klana Sending.<sup>3</sup> Beliau telah diberi kuasa mentadbir Sungai Ujong oleh bapa saudaranya, Dato' Klana Sending sejak akhir tahun 1860-an. Laksamana Raja Di Laut Syed Abdul Rahman atau Syed Ahman dilantik sebagai Dato' Klana Putera Sungai Ujong menggantikan bapa saudaranya Dato' Klana Sending yang meninggal dunia pada 3 Disember 1872.<sup>4</sup>

\* Profesor Madya di Jabatan Sejarah, Universiti Malaya.

1 Raja Mahmud adalah seorang tokoh yang memainkan peranan penting bersama Raja Mahdi dalam gerakan di Selangor. Mengenni peranan Raja Mahdi ini sila lihat, Mohd. Amin Hassan, "The Klang War 1867—1873", *Malaysia in History*, Vol. 28, 1985, hlm. 55—75.

2 Abdul Majid bin Kari, "The History of the Life of Dato' Syahbandar Tunggal of Kepayang". *Further Correspondence relating to the affairs of certain native states in the Malay Peninsula, in the neighbourhood of the Straits Settlements*. (London: Harrison and Sons, 1876). (Seterusnya diringkaskan sebagai FCNS, 1876), No. 8, surat Sir A. Clarke kepada Earl of Carnarvon, 29 Disember 1874.

3 FCNS, 1876, No. 8, surat Sir A. Clarke kepada Earl of Carnarvon, 29 Disember 1874, *enclosure* 1, "Rumbowe [Rembau] and Sungie [Sungai] Ujong", hlm. 21.

4 Khoo Kay Kim, *Negeri-Negeri Melayu Pantai Barat 1850—1873: Kesan Perkembangan Dagang Ke atas Politik Melayu*, (Petaling Jaya: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd., 1984), hlm. 171.

## Perselisihan Klana-Bandar

Walaupun Dato' Klana Syed Abdul Rahman memegang jawatan Dato' Klana Sungai Ujong tetapi beliau mendapat cabaran daripada Dato' Syahbandar Abdullah Tunggal yang pada ketika ini sedang meningkat kekayaannya kerana pungutan hasil di Rasah.<sup>5</sup> Menyedari adanya persaingan ini, dan timbulnya perselisihan mengenai pungutan cukai di Kuala Linggi dengan Dato' Syahbandar Abdullah Tunggal, Dato' Klana Syed Abdul Rahman menjemput British campur tangan di Sungai Ujong. Berikutnya pada 21 April 1874 Dato' Klana Syed Abdul Rahman menandatangani perjanjian dengan pihak British. Dalam perjanjian ini Dato' Klana Syed Abdul Rahman bersetuju berlindung di bawah kerajaan British. Beliau juga bersetuju untuk meletakkan kawasan dari Sempang hingga Permatang Pasir di bawah pentadbiran dan kawalan British. Langkah Dato' Klana Syed Abdul Rahman membawa masuk British di Sungai Ujong menyemarakkan lagi persengkataannya dengan Dato' Syahbandar Abdullah Tunggal. Malah langkah Dato' Klana Syed Abdul Rahman ini adalah bertentangan dengan adat, kerana beliau yang sepatutnya terlebih dahulu berunding dengan Dato' Syahbandar Abdullah Tunggal tidak berbuat demikian.

Dato' Klana adalah Undang Sungai Ujong, sebagai Waris Di Darat mempunyai kuasa undang-undang dan hakim, tetapi ia adalah tertakluk kepada bantuan dan nasihat Dato' Syahbandar sebagai Waris Di Air. Dato' Syahbandar menikmati kutipan cukai dari pelabuhan sepanjang Sungai Linggi, manakala Dato' Klana pula memungut cukai daripada hasil judi, cukai kepala dan denda mahkamah. Kekuasaan mereka pula, Dato' Klana berkuasa di Ampangan, Lenggeng, sebahagian Seremban dan Sentul; Dato' Syahbandar berkuasa di Rasah, tetapi telah meluas memasuki Lembah Labu.<sup>6</sup>

Dato' Klana Syed Abdul Rahman beberapa kali meminta agar Sir Andrew Clarke, Gabenor Negeri-Negeri Selat menghantar seorang pegawai untuk membantu beliau dalam pentadbiran di Sungai Ujong. Beliau juga menekankan akan mengibarkan bendera British di kediamannya sebagai tanda persahabatan dengan kerajaan British.<sup>7</sup> Pada 10 Mei 1874 Dato' Klana Syed Abdul Rahman melaporkan kepada pihak British bahawa Dato' Syahbandar Abdullah Tunggal menyatakan akan mematuhi arahnya. Berita ini disambut dengan gembira oleh Gabenor Negeri-Negeri Selat serta mengucapkan tahniah di atas kejayaannya mendapatkan perakuan Dato' Syahbandar dan mengharapkan hubungan ini akan berkekalan.<sup>8</sup>

Namun begitu pada 24 September 1874 Dato' Klana Syed Abdul Rahman meminta Kapten Shaw supaya memanjangkan kepada Gabenor Negeri-Negeri Selat, Sir Andrew Clarke supaya meletakkan pegawai British di Sungai Ujong. Dato' Klana Syed Abdul Rahman menyatakan bahawa Dato' Syahbandar Abdullah Tunggal bukan sahaja enggan menurunkan tandatangan ke atas

5 J.M. Gullick, "The War with Yam Tuan Antah", *JMBRAS*, Vol. 27, Pt. 1, 1954, hlm. 3.

6 T. Chelliah, "War in Negeri Sembilan 1874—1875", Graduation Exercise, University of Malaya, Singapore, 1955, hlm. 30.

7 FCNS, 1876, No. 8, surat Sir A. Clarke kepada Earl of Carnarvon, 29 Disember 1874.

8 FCNS, 1876, No. 8, surat Sir A. Clarke kepada Earl of Carnarvon, 29 Disember 1874, *enclosure 2*, Dato' Klana Putera, Sungai Ujong kepada Pemangku Setiausaha Jajahan Negeri-Negeri Selat, 10 Mei 1874; *enclosure 3*. Pemangku Setiausaha Negeri-Negeri Selat kepada Dato' Klana Putera, Sungai Ujong, Mei 1874.

perjanjian yang ditandatangani pada 21 April 1874, tetapi juga secara terbuka membantah perjanjian tersebut dan mengancam nyawa beliau. Kapten Shaw pula yang menyokong permohonan Dato' Klana Syed Abdul Rahman menyatakan bahawa keadaan tersebut akan mengancam Sungai Ujong dan rakyat British yang menjalankan perniagaan di antara Sungai Ujong dengan Melaka. Dato' Klana Syed Abdul Rahman juga melaporkan bahawa Dato' Syahbandar Abdullah Tunggal menentang hasratnya untuk mengibarkan bendera British di kediamannya dan telah mendapatkan bantuan daripada Raja Mahmud, Raja Mahdi serta pengikutnya dan orang Cina untuk membangkitkan penentangan terhadapnya.<sup>9</sup> Pihak British mengambil langkah menghubungkan Sultan Abdul Samad Selangor bagi mendapatkan bantuan untuk menghilangkan kebimbangan Dato' Klana Syed Abdul Rahman mengenai keamanan Sungai Ujong.<sup>10</sup> Pada 3 Oktober 1874 Sir Andrew Clarke mengutuskan surat kepada Dato' Syahbandar Abdullah Tunggal dengan menyatakan bahawa sikap Dato' Syahbandar menentang perdamaian Sungai Ujong-Rembau dan menentang langkah Dato' Klana Syed Abdul Rahman mengibarkan bendera di halaman rumahnya adalah berlebihan kerana Dato' Syahbandar adalah di bawah perintah Dato' Klana yang sepatutnya mengakui perkara tersebut; serta menegaskan bahawa Dato' Klana Syed Abdul Rahman dilindungi oleh British. Sir Andrew Clarke juga mengingatkan Dato' Syahbandar Abdullah Tunggal bahawa Sultan Selangor, wizurainya Tunku Ziauddin (Kudin) dan Penghulu Rembau yang baru diiktirafkan oleh Dato' Klana Syed Abdul Rahman sudah membuat persetujuan bahawa akan melindungi keamanan Sungai Ujong dan akan bertindak ke atas barangsiapa yang mengacau keamanan tersebut.<sup>11</sup>

Dengan itu pada 4 Oktober 1874 Sir Andrew Clarke telah mengarahkan W.A. Pickering bersama pasukan polis dari Melaka di bawah Hayward, Pemangku Pesuruhjaya Polis Melaka ke Sungai Ujong untuk memujuk Dato' Syahbandar Abdullah Tunggal supaya berdamai dengan Dato' Klana Syed Abdul Rahman; begitu juga akan memujuk orang Cina supaya tidak melibatkan diri dalam persaingan tersebut. W.A. Pickering bertolak dari Singapura pada 4 Oktober 1874 dan sampai di Sungai Ujong pada 8 Oktober 1874. Beliau mendapati yang Dato' Syahbandar Abdullah Tunggal bersiap sedia untuk melancarkan serangan ke atas Dato' Klana Syed Abdul Rahman.<sup>12</sup> Bersama-samanya W.A. Pickering membawa dua pucuk surat daripada Sir Andrew Clarke kepada Dato' Klana Syed Abdul Rahman dan Dato' Syahbandar Abdullah Tunggal. Dengan bantuan F.A. Swettenham yang datang dari Langat pada 14 Oktober 1874, W.A. Pickering berjaya

9 FCNS, 1876, No. 8, surat Sir A. Clarke kepada Earl of Carnarvon, 29 Disember 1874, *enclosure* 10, Dato' Klana Sungai Ujong kepada Leftenan Gabenor Melaka, 24 September 1874. T. Chelliah, "War in Negeri Sembilan 1874—1875", hlm. 31.

10 FCNS, 1876, No. 8, Surat Sir A. Clarke kepada Earl of Carnarvon, 29 Disember 1874, *enclosure* 8, Sir Andrew Clarke kepada Sultan Selangor, (t.t.); *enclosure* 9, J.W.W. Birch, Setiausaha Jajahan Negeri-Negeri Selat kepada F.A. Swettenham, (t.t.).

11 FCNS, 1876, No. 8, surat Sir A. Clarke kepada Earl of Carnarvon, 29 Disember 1874, *enclosure* 12, Sir Andrew Clarke kepada Dato' Syahbandar, 3 Oktober 1874.

12 FCNS, 1876, No. 8, surat Sir A. Clarke kepada Earl of Carnarvon, 29 Disember 1874, *enclosure* 17, W.A. Pickering kepada Sir Andrew Clarke, 23 Disember 1874. "Mr. Pickering's Journal: Singapore to Sungai [Sungai] Ujong", hlm. 2—3.

mendapatkan pengakuan daripada orang-orang Cina bahawa mereka tidak akan mengambil bahagian di dalam persengketaan tersebut, dan juga pengakuan bertulis daripada Dato' Syahbandar Abdullah Tunggal bahawa beliau tidak berniat untuk melanggar Dato' Klana Syed Abdul Rahman dan membuat persiapan untuk melancarkan gerakan sehingga mendapat jawapan daripada Sir Andrew Clarke. Beliau juga menyatakan kesanggupan untuk datang ke Singapura apabila mendapat surat daripada Gabenor Negeri-negeri Selat nanti.<sup>13</sup>

Sementara itu Sir Andrew Clarke meragui berita yang didapatinya bahawa berdasarkan adat Dato' Klana mesti terlebih dahulu berunding dengan Dato' Syahbandar sebelum mengambil sebarang tindakan atau keputusan. Dengan itu beliau menghantar F.A. Swettenham ke Selangor mengadap Sultan Abdul Samad dan ke Sungai Ujong berjumpa Dato' Syahbandar Abdullah Tunggal untuk mendapatkan penjelasan mengenai perkara adat tersebut. Hasilnya, Dato' Klana adalah pembesar Sungai Ujong tetapi adat menyatakan bahawa beliau dimestikan berunding dengan Dato' Syahbandar dalam semua perkara penting sebelum membuat keputusan dan tindakan.<sup>14</sup> Oleh sebab itulah dalam pertemuannya dengan F.A. Swettenham, Dato' Syahbandar Abdullah Tunggal menyatakan bahawa beliau dihina oleh Dato' Klana Syed Abdul Rahman; namun demikian beliau tidak mempunyai hasrat untuk mengangkat senjata menentang Dato' Kelana dan beliau juga menafikan memberi perlindungan kepada Raja Mahmud.

Dalam pada itu Leftenan Gabenor Melaka mendesak supaya pihak British membantu Dato' Klana Syed Abdul Rahman menjatuhkan Dato' Syahbandar Abdullah Tunggal. Pada 30 Oktober 1874 W.A. Pickering dihantar sekali lagi ke Sungai Ujong. Kali ini beliau diiringi oleh sepasukan polis yang diketuai oleh sarjan berbangsa Eropah dan membawa surat kepada Dato' Syahbandar Abdullah Tunggal yang menasihati menurunkan tandatangan ke atas perjanjian 21 April 1874 dan datang berjumpa Sir Andrew Clarke di Singapura.<sup>15</sup> W.A. Pickering tiba di Sungai Ujong pada 3 November 1874 dan mengutuskan polis menyampaikan surat Gabenor kepada Dato' Syahbandar Abdullah Tunggal. Dato' Syahbandar Abdullah Tunggal pula memaklumkan kepada W.A. Pickering bahawa beliau akan menjawab surat tersebut pada 4 November 1874. Sebelum mendapat jawapan daripada Dato' Syahbandar, W.A. Pickering berangkat ke Kepayang pada 5 November 1874.<sup>16</sup> Dalam pertemuan tersebut Dato' Syahbandar Abdullah Tunggal menyatakan kepada W.A. Pickering bahawa beliau berpuas hati dengan keadaan Sungai Ujong; tidak berhajat kepada sebarang campur tangan atau perubahan dan menegaskan bahawa beliau adalah bebas daripada Dato' Klana Syed Abdul Rahman.<sup>17</sup> W.A. Pickering pulang ke Singapura dan tiba pada 9 November 1874. Dalam lawatannya kali ini W.A. Pickering

13 FCNS, 1876, No. 8, surat Sir A. Clarke kepada Earl of Carnavon, 29 Disember 1874. "Mr. Pickering's Journal", hlm. 8.

14 FCNS, 1876, No. 8, surat Sir A. Clarke kepada Earl of Carnavon, 29 Disember 1874.

15 Ibid.

16 FCNS, 1876, No. 8, surat Sir A. Clarke kepada Earl of Carnavon, 29 Disember 1874, *enclosure* 17, W.A. Pickering kepada Sir A. Clarke, 23 Disember 1874. Lihat juga "Mr. Pickering's Journal", hlm. 10.

17 FCNS, 1876, No. 8, surat Sir A. Clarke kepada Earl of Carnavon, 29 Disember 1874.

gagal mempengaruhi Dato' Syahbandar Abdullah Tunggal menanda tangani Perjanjian 21 April 1874 dan datang ke Singapura.

W.A. Pickering ditugaskan sekali lagi ke Sungai Ujong dan kali ini beliau tiba pada 14 November 1874. Pada 14 November 1874 W.A. Pickering membawa surat Gabenor kepada Dato' Syahbandar Abdullah Tunggal; sementara itu beliau diberi ingatan supaya berkerjasama dengan Dato' Klana Syed Abdul Rahman. Namun amaran ini tidak dipedulikan oleh Dato' Syahbandar Abdullah Tunggal, malah beliau telah menguatkan kubunya di Kepayang. Di samping itu beliau mendapat sokongan daripada Raja Mahmud, seorang Panglima Perang yang dihormati dan disegani pada masa itu.<sup>18</sup>

### Perang Klana dan British-Bandar

Sebelum Dato' Klana Syed Abdul Rahman melancarkan serangan ke atas Dato' Syahbandar Abdullah Tunggal pasukan British di bawah W.A. Pickering masih berada di Sungai Ujong. Dato' Klana Syed Abdul Rahman menghantar utusan kepada Dato' Syahbandar menjemput datang ke tempat kediamannya untuk memberi hormat kepada upacara menaikkan bendera British di kediamannya di Ampangan. Pada mulanya Dato' Syahbandar Abdullah Tunggal bersetuju untuk menghadirinya tetapi berubah kemudiannya kerana dihalang oleh pembesar dan kaumnya. Berdasarkan kepada Adat, Dato' Klana dan Dato' Syahbandar tidak boleh mengisytiharkan perang kerana beliau adalah bersaudara. Namun Dato' Klana Syed Abdul Rahman adalah orang yang cekap, beliau telah melantik Dato' Syahbandar lain dari suku yang sama, dan bergelar Dato' Syahbandar Ahmad Bukit. Apabila perlawanan selesai, Dato' Klana Syed Abdul Rahman telah mengarahkan Dato' Syahbandar Ahmad Bukit mengisytiharkan perang ke atas Dato' Syahbandar Abdullah Tunggal, dan mereka pula dibantu oleh pihak British.<sup>19</sup> Namun begitu Sir A. Clarke menyatakan bahawa Dato' Klana Syed Abdul Rahman sudah mengambil berbagai langkah dan tidak ada pilihan lagi kecuali mengambil langkah ketenteraan untuk mengekalkan keamanan dan menyedarkan Dato' Syahbandar mengenai kedudukannya di Sungai Ujong.<sup>20</sup> Pada 15 November 1874 Dato' Klana Syed Abdul Rahman menghantar surat kepada Dato' Syahbandar Abdullah Tunggal supaya datang dengan aman ke Ampangan tetapi telah ditolak oleh Dato' Syahbandar Abdullah Tunggal.<sup>21</sup>

Pada 16 November 1874 bersama kira-kira 400 orang Dato' Klana Syed Abdul Rahman menyerang dan menawan kubu Dato' Syahbandar Abdullah

18 T. Chelliah, "War in Negeri Sembilan 1874—1875", hlm. 32. C.N. Parkinson, *British Intervention in Malaya 1867—1877*, (Singapore: Oxford University Press, 1960), hlm. 176.

19 Abdul Majid bin Kari, "The History of the Life of Dato' Syahbandar Tunggal of Kepayang". FCNS, 1876, No. 8, surat Sir A. Clarke Earl of Carnavon, 29 Disember 1874. FCNS, 1876, No. 8, surat Sir A. Clarke kepada Earl of Carnavon, 29 Disember 1874, *enclosure 14*, Dato' Klana Sungai Ujong kepada Setiausaha Jajahan Negeri-Negeri Selat, 20 November 1874.

20 FCNS, 1876, No. 8, surat Sir Clarke kepada Earl of Carnavon, 29 Disember 1874.

21 FCNS, 1876, No. 8, surat Sir A. Clarke kepada Earl Carnavon, 29 Disember 1874, *enclosure 14*, Dato' Klana Sungai Ujong kepada Setiausaha Jajahan Negeri-Negeri Selat, 20 November 1874.

Tunggal di Rahang dan Rasah.<sup>22</sup> Pada 17 November 1874 pula dengan diiringi oleh pasukan Arab dan 200 orang Melayu beliau telah mara ke Kepayang. Dalam pasukan ini W.A. Pickering ikut serta dengan alasan bagi memastikan tidak berlaku sebarang kekejaman oleh pasukan Dato' Klana Syed Abdul Rahman sekiranya mereka berjaya. Apabila Raja Mahmud muncul membantu Dato' Syahbandar Abdullah Tunggal, pasukan Dato' Klana Syed Abdul Rahman menjadi kelam kabut dan undur menyelamatkan diri. W.A. Pickering, Sarjan Kierman dan pasukan Arab berjaya menyelamatkan Dato' Klana Syed Abdul Rahman ke kediamannya di Ampangan.<sup>23</sup> Dato' Klana Syed Abdul Rahman menulis surat ke Singapura meminta bantuan.<sup>24</sup>

Dengan itu W.A. Pickering meminta bantuan daripada Kapten Shaw yang berada di Melaka. Beliau melaporkan bahawa Dato' Syahbandar Abdullah Tunggal yang mendapat bantuan daripada orang-orang Rembau telah menawan semula Rasah. Sekiranya angkatan tentera tidak dihantar segera Dato' Klana Syed Abdul Rahman akan dikalahkan.<sup>25</sup> Berita ini sampai di Melaka pada 21 November dan Singapura 23 November 1874.<sup>26</sup> Berikutnya persiapan dibuat untuk mengatasi gerakan yang dilakukan oleh Dato' Syahbandar Abdullah Tunggal di Sungai Ujong. Kapten Shaw menghantar pasukan bantuan yang terdiri daripada Leftenan H.W. Palmer, Leftenan G.B. Peyton, seorang sarjan, peniup trompet perang (*bugler*) dan 26 orang askar regimen ke-10 serta beberapa orang polis. Pasukan bantuan ini berlepas melalui laut ke sungai Linggi dan tiba di Ampangan pada 25 November 1874. Namun begitu pada 19 November 1874 pasukan W.A. Pickering berjaya menawan semula Rasah dan Rahang.<sup>27</sup>

Ketika perang sedang berlaku, Raja Mahmud datang menemui bapa saudaranya, Dato' Syahbandar Abdullah Tunggal untuk mendapatkan kebenaran ke Ampangan bagi memenggal kepada Dato' Klana Syed Abdul Rahman untuk disembahkan kepada Dato' Syahbandar Abdullah Tunggal, Datuk Syahbandar Abdullah Tunggal tidak memenuhi permohonan ini dengan alasan bahawa Dato' Klana Syed Abdul Rahman adalah anak saudaranya. Di samping itu beliau meramalkan bahawa perang tidak akan lama berlarutan dan jika sekiranya Dato' Klana Syed Abdul Rahman

22 FCNS, 1876, No. 8, surat Sir A. Clarke kepada Earl of Carnarvon, 29 Disember 1874, *enclosure 15*, Dato' Klana Sungai Ujong kepada Leftenan Gabenor Melaka, 20 November 1874. Lihat juga "Mr. Pickering's Journal", hlm. 15—16. T. Chelliah, "War in Negeri Sembilan 1874—1875", hlm. 33. C.N. Parkinson, *British Intervention in Malaya 1867—1877*, hlm. 177. E. Sadka, *The Protected Malay States 1874—1895*, (Kuala Lumpur: University of Malaya Press, 1970), hlm. 70—71.

23 FCNS, 1876, No. 8, surat Sir A. Clarke kepada Earl of Carnarvon, 29 Disember 1874, *enclosure 17*, W.A. Pickering kepada Sir Andrew Clarke, 23 Disember 1874. FCNS, No. 10, Vernon Lushington (*Admiralty*) kepada Jabatan Tanah Jajahan, 2 Februari 1875, *enclosure 2*, Kapten W. Smith kepada Timbalan Laksamana Sir Charles F.A. Shadwell, K.C.B., F.R.S., 26 November 1874. T. Chelliah, hlm. 33. C.N. Parkinson, hlm. 177. E. Sadka, *The Protected Malay States 1874—1895*, hlm. 71. R.O. Winstedt, "History of Negeri Sembilan", *JMBRAS*, Vol. XII, Pt. 111, 1934, hlm. 71.

24 FCNS, 1876, No. 8, Sir A. Clarke kepada Earl of Carnarvon, 29 Disember 1874, *enclosure 17*, W.A. Pickering kepada Sir A. Clarke, 23 Disember 1874.

25 FCNS, 1876, No. 8, surat Sir A. Clarke kepada Earl of Carnarvon, 29 Disember 1874, *enclosure 13*, W.A. Pickering kepada Kapten Shaw, 19 November 1874, *enclosure 16*, Dato' Muda Linggi kepada Leftenan Melaka, 17 November 1874. Lihat "Mr. Pickering's Journal", hlm. 18.

26 FCNS, 1876, No. 8, surat Sir A. Clarke kepada Earl of Carnarvon, 29 Disember 1874.

27 C.N. Parkinson, *British Intervention in Malaya 1867—1877*, hlm. 178.

meninggal dunia dan perang tamat, beliau belum dapat menentukan nasibnya lagi di masa depan.<sup>28</sup>

Pada 24 November 1874 pasukan bantuan dengan diiringi oleh Gabenor Sir Andrew Clarke berlepas dari Singapura. Kapten S. Dunlop, dari pasukan polis Singapura telah dilantik sebagai Pesuruhjaya Awam pasukan dengan arahan memulihkan keamanan dan menyelamatkan W.A. Pickering dan markas tentera di Sungai Ujong. Angkatan ini berangkat ke Sungai Ujong dengan *H.M.S. Charybdis* di bawah Kapten W.J.J. Tatham, R.A. (*Royal Artillery*) dan Leftenan Jones, *H.M.S. Hart* dan kapal penunda *Pilot-Fish*. Pasukan ini tiba di Lukut pada 26 November 1874 dan bermalam di kawasan kediaman Raja Bot. Sir Andrew Clarke bersama *H.M.S. Hart* berangkat ke Jugra dan kemudiannya ke Langat. Beliau mengadap Sultan Abdul Samad, dan mendapat jaminan akan menghantar pasukan ke Kuala Labu untuk memerhati Dato' Syahbandar Abdullah Tunggal, serta tidak akan memberi perlindungan kepada mereka di Selangor.<sup>29</sup>

Pasukan di bawah Kapten S. Dunlop yang terdiri daripada askar campuran sejumlah 187 orang bergerak ke Sungai Ujong dari Lukut pada jam 5.45 pagi, 27 November 1874 untuk memulihkan keamanan di Sungai Ujong, menyelamatkan W.A. Pickering dan kalau perlu menduduki Sungai Ujong bagi melindungi perdagangan.<sup>30</sup> Mereka terdiri daripada Inspektor Cartwright, Kapten W.J.J. Tatham, Leftenan Huntley, Warton, R.N. Brooke dan R.M. Montgomery; Dr. McNamara dan Dr. Gilson's; manakala askar pula, 50 orang polis tempatan, 20 orang askar meriam diraja, 50 orang askar berjalan kaki regimen ke-10 di bawah W.J.J. Tatham, 40 orang *seamen* dan 20 orang tentera laut. Manakala itu Sir Andrew Clarke pulang semula ke Lukut.<sup>31</sup>

Sementara itu, Che Kari, anak Dato' Syahbandar Abdullah Tunggal datang menawarkan perdamaian. Walaupun Sir Andrew Clarke ada mengeluarkan arahan kepada Kapten S. Dunlop supaya mengambil tindakan yang wajar tetapi keadaannya sudah agak terlambat kerana Dato' Syahbandar Abdullah Tunggal telah pun mengundurkan diri.<sup>32</sup> Pasukan Kapten S. Dunlop bergerak ke Rasah melalui denai yang bersemak dan berpaya dan tiba di Bemban, iaitu di pertengahan jalan antara Lukut dengan Rasah pada jam 3.00 petang dan bermalam di sini.<sup>33</sup> Pada 28 November 1874 pasukan ini melintasi kawasan Kampung di Rasah dan mendapati

28 Abdul Majid Kari, "The History of the Life of Dato' Syahbandar Tunggal of Kepayang".

29 FCNS, 1876, No. 8, surat Sir A. Clarke kepada Earl of Carnavon, 29 Disember 1874. T. Chelliah, "War in Negeri Sembilan 1874—1875", hlm. 34. C.N. Parkinson, *British Intervention in Malaya 1867—1877*, hlm. 178.

30 FCNS, 1876, No. 8, surat Sir A. Clarke kepada Earl of Carnavon, 29 Disember 1874, *enclosure* 18, Kapten Dunlop kepada Gabenor Negeri-Negeri Selat, 29 Disember 1874, *enclosure* 19, M.C. Brackenbury kepada Kapten Dunlop, 25 November 1874.

31 FCNS, 1876, No. 8, surat Sir A. Clarke kepada Earl of Carnavon, 29 Disember 1875, *enclosure* 18, Kapten Dunlop kepada Gabenor Negeri-Negeri Selat, 29 Disember 1874. T. Chelliah, "War in Negeri Sembilan 1874—1875", hlm. 34. C.N. Parkinson, *British Intervention in Malaya 1867—1877*, hlm. 178—79. FCNS, 1876, No. 10, Vernon Lushington kepada Jabatan Tanah Jajahan, 2 Februari 1875, *enclosure* 2, W. Smith kepada Sir Charles F.A. Shadwell, 26 November 1874.

32 C.N. Parkinson, *British Intervention in Malaya 1867—1877*, hlm. 179.

33 FCNS, 1876, No. 8, surat Sir A. Clarke kepada Earl of Carnavon, 29 Disember 1874, *enclosure* 18, Kapten S. Dunlop kepada Gabenor Negeri-Negeri Selat, 29 Disember 1874.

kampung ini telah dibakar.<sup>34</sup> Dalam peperangan ini, askar British dan pengikut-pengikut Dato' Klana Syed Abdul Rahman telah menggunakan minyak benzin membakar semua rumah Waris di Air dan memusnahkan harta benda mereka. Penduduk yang tidak berumah tangga sebahagiannya mengundurkan diri ke kawasan pendalaman.<sup>35</sup>

Ketika berada di Ampangan pada 28 November 1874, Kapten S. Dunlop mendapati bahawa Kiernan dan Palmer dengan bantuan W.A. Pickering adalah dalam keadaan selamat. Mereka telah pun berjaya mengalahkan Raja Mahmud dan Dato' Syahbandar Abdullah Tunggal di Kubu Rasah dan Rahang.<sup>36</sup> Kapten S. Dunlop diberitahu bahawa Dato' Syahbandar Abdullah Tunggal telah pun mengundurkan diri ke Kepayang. Dengan itu Kapten S. Dunlop mengambil keputusan untuk mengintip kedudukan di Kepayang. Beliau mengarahkan dua pasukan menjalankan tugas ini. Pasukan pertama di bawah beliau, Pickering, Peyton dan Hayward mara dari Ampangan melalui Seremban menuju kubu pertahanan; pasukan kedua bertolak dari Rasah di bawah Palmer. Kira-kira 91.44 atau 182.9 meter menghampiri Kepayang, pasukan ini telah ditembak oleh pasukan Dato' Syahbandar Abdullah Tunggal. Namun begitu pasukan ini berjaya mengawal pasukan Dato' Syahbandar Abdullah Tunggal di dalam kubu. Sementara itu utusan dihantar kepada Kapten W.J.J. Tatham meminta bantuan. Dalam pada itu pula pasukan ini mendapat arahan daripada Sir Andrew Clarke yang berada di dalam kapal *H.M.S. Charybdis* di Lukut supaya menangguhkan gerakan pada 29 November 1874 kerana Dato' Syahbandar Abdullah Tunggal ingin berunding.<sup>37</sup> Che Kari datang dari Lukut menemui Kapten S. Dunlop pada 29 November 1874 membawa surat daripada Gabenor Sir A. Clarke yang menyatakan bahawa Che Kari menawarkan perdamaian dan sanggup membayar segala perbelanjaan ekspedisi ke Sungai Ujong. Dengan itu Kapten S. Dunlop yang telah pun membuat persiapan untuk melancarkan serangan ke atas Kepayang telah menawarkan deraf perjanjian kepada Che Kari dan menangguhkan serangan dalam tempoh 24 jam bagi membolehkan Che Kari menimbang tawaran yang dikemukakanannya. Dengan itu Kapten S. Dunlop bersama pasukan kecil mara ke Kepayang dan singgah di satu tempat yang jaraknya kira-kira 91.44 meter dengan Kepayang. Di sini Kapten S. Dunlop sekali lagi mengingati Che Kari yang berangkat ke Kepayang bahawa sekiranya beliau tidak menerima sebarang jawapan sehingga jam 8.00 pagi, 30 November 1874 serangan akan dilancarkan. Che Kari meminta supaya Kapten S. Dunlop menunggu selama 20 minit. Kira-kira 20 minit kemudian Che Kari datang dari Kepayang melaporkan kepada Kapten S. Dunlop bahawa Dato' Syahbandar Abdullah Tunggal telah pun mengundurkan diri malam tadi. Che Kari meminta Kapten S. Dunlop memanjangkan lagi tempoh yang ditawarkan, tetapi Kapten S. Dunlop tidak memenuhinya. Dengan itu

34 T. Chelliah, "War in Negeri Sembilan 1874—1875", hlm. 35.

35 Abdul Majid bin Kari, "The History of the Life of Dato' Syahbandar Tunggal of Kepayang".

16 T. Chelliah, "War in Negeri Sembilan 1874—1875", hlm. 35.

37 FCNS, 1876, No. 8, surat Sir A. Clarke kepada Earl of Carnarvon, 29 Disember 1874, enclosure 18, Kapten S. Dunlop kepada Gabenor Negeri-Negeri Selat, 29 Disember 1874. C.N. Parkinson, *British Intervention in Malaya 1867—1877*, hlm. 179. T. Chelliah, "War in Negeri Sembilan 1874—1875", hlm. 35.



Che Kari pulang ke kubu di Kepayang.<sup>38</sup>

Pada 30 November 1874, Che Kari tidak datang pada jam 8.00 pagi seperti mana yang dijanjikan, pasukan British meneruskan gerakan mereka ke Kepayang dan mendapati kubu di sini ditinggalkan. Kapten S. Dunlop menghantarkan utusan kepada Dato' Klana Syed Abdul Rahman sekiranya ingin menduduki Kepayang hendaklah menghantar wakilnya. Kapten S. Dunlop juga cuba mendapat maklumat mengenai Dato' Syahbandar Abdullah Tunggal daripada Dato' Klana Syed Abdul Rahman tetapi beliau tidak dapat membantu. Walaupun begitu Kapten S. Dunlop mengarahkan membakar kubu dan rumah di Kepayang.<sup>39</sup> Pada 30 November 1874 Sheikh Muhammad Ali, menantu Dato' Syahbandar Abdullah Tunggal, penghulu Langat datang menemui Sir Andrew Clarke sebagai Wakil Mutlak Dato' Syahbandar Abdullah Tunggal yang mempunyai kuasa penuh menawarkan perdamaian Bandar-Klana dan mengemukakan kertas kosong yang dicopkan oleh Dato' Syahbandar Abdullah Tunggal.<sup>40</sup> Dalam surat yang dibawa oleh Sheikh Muhammad Ali tercatat bahawa Dato' Syahbandar Abdullah Tunggal dan pengikut akan meletakkan senjata; akan menurunkan tandatangan dan cop ke atas perjanjian antara Sungai Ujong dengan British (perjanjian 221 April 1874); Dato' Klana sebagai kepala dan pentadbir Sungai Ujong dan akan membayar segala kos kerajaan British mengemukakan kekacauan di Sungai Ujong.<sup>41</sup>

### **Pengunduran dan Penyerahan Dato' Syahbandar Abdullah Tunggal**

Pengunduran Dato' Syahbandar Abdullah Tunggal telah menyebabkan gerakan pasukan Kapten S. Dunlop ini lebih condong kepada gerakan memburu. Dengan bantuan Dato' Klana Syed Abdul Rahman Kapten Dunlop menahan dua kapitan Cina di atas tuduhan bersubahat dengan Dato' Syahbandar Abdullah Tunggal.<sup>42</sup> Mereka dikenakan denda sebanyak \$3,000.00 seorang dan diarahkan pulang ke kawasan perlombongan serta jangan bersubahat dengan Dato' Syahbandar Abdullah Tunggal.<sup>43</sup> Kemudiannya Kapten S. Dunlop menyelongkar simpanan bijih timah Dato' Syahbandar Abdullah Tunggal di Kepayang dan menjumpai 180 keping jongkong bijih timah. Kapten S. Dunlop menilainya mencukupi untuk membiayai ekspedisi ke Sungai Ujong. Pada 2—7 Disember 1874 Kapten S. Dunlop mara dari Kepayang ke Jec Jian<sup>44</sup> dan Sepang dan mendapat tahu

38 FCNS, 1876, No. 8, surat Sir A. Clarke kepada Earl of Carnavon, 29 Disember 1874, *enclosure* 18, Kapten S. Dunlop kepada Gabenor Negeri-Negeri Selat, 29 Disember 1874.

39 FCNS, 1876, No. 8, surat Sir A. Clarke kepada Earl of Carnavon, 29 Disember 1874. T. Chelliah, "War in Negeri Sembilan 1874—1875", hlm. 36. C.N. Parkinson, *British Intervention in Malaya 1867—1877*, hlm. 179. FCNS, 1876, No. 8, surat Sir A. Clarke kepada Earl of Carnavon, 29 Disember 1874, *enclosure* 18, Kapten S. Dunlop kepada Gabenor Negeri-Negeri Selat, 29 Disember 1874.

40 FCNS, 1876, No. 8, surat Sir A. Clarke kepada Earl of Carnavon, 29 Disember 1874. FCNS, 1876, No. 10, Vernon Lushington kepada Jabatan Tanah Jajahan, *enclosure* 2, W. Smith kepada Sir Charles F.A. Shadwell, 26 November 1874.

41 FCNS, 1876, No. 8, Sir A. Clarke kepada Earl of Carnavon, 29 Disember 1874, *enclosure* 20, surat Dato' Syahbandar Sungai Ujong.

42 T. Chelliah, "War in Negeri Sembilan 1874—1875", hlm. 36. C.N. Parkinson, *British Intervention in Malaya 1867—1877*, hlm. 179.

43 E. Sadka, *The Protected Malay States 1874—1875*, hlm. 71.

44 Dieja mengikut catatan rekod.

bahawa Dato' Syahbandar mengundurkan diri ke Batang Labu. Kemudian Kapten S. Dunlop pulang ke Rasah. Dalam pada itu pula, Sir Andrew Clarke mengingatkan Kapten Dunlop adalah tidak perlu menjejaki mereka hingga ke dalam hutan.<sup>45</sup>

Pada 9 Disember 1874, setelah meninggalkan Kapten W.J.J. Tatham sebagai penasihat Dato' Klana Syed Abdul Rahman, 50 orang tentera meriam diraja dan pasukan berjalan kaki regimen ke-10 dan 32 polis, sebahagian daripada tentera berlepas ke Lukut dan Singapura. Sementara itu W.A. Pickering dalam usaha untuk meningkatkan pendapatan cukai di Sungai Ujong telah merangka berbagai cukai mengenai perlombongan, candu, judi dan pajak. Begitu juga dengan Kapten S. Dunlop, beliau menasihatkan Dato' Klana Syed Abdul Rahman supaya mendapatkan jasa baik daripada Kapten W.J.J. Tatham dalam usaha untuk mewujudkan pentadbiran yang lebih cekap dan baik. Kemudiannya pada 15 Disember 1874, W.A. Pickering dan Kapten S. Dunlop bertolak ke Melaka dan seterusnya ke Singapura pada 18 Disember 1874.<sup>46</sup>

Dato' Syahbandar Abdullah Tunggal bersama Raja Mahmud telah berjaya mengundurkan diri ke Selangor.<sup>47</sup> Dato' Syahbandar Abdullah Tunggal tinggal di Langat di bawah perlindungan Dato' Dagang, keturunan Melayu Sumatra. Mereka berdua telah memaklumkan kepada Sultan Abdul Samad di mana mereka berada. Sultan Abdul Samad pula memaklumkan kepada F.A. Swettenham. Dengan itu F.A. Swettenham menghantar arahan kepada Dato' Syahbandar Abdullah Tunggal dan Raja Mahmud supaya menyerah tanpa syarat.

Manakala Che Kari, anak Dato' Syahbandar Abdullah Tunggal ditangkap ketika peperangan sedang meletus. Beliau telah dibawa ke hadapan Kapten W.J.J. Tatham dan dituduh bertanggung jawab ke atas pengunduran ayahnya. Dengan itu Che Kari diminta bersumpah akan membawa ayahnya kepada pihak British. Sementara itu Kapten W.J.J. Tatham berjanji tidak akan mengambil sebarang tindakan ke atas Dato' Syahbandar Abdullah Tunggal, sebaliknya akan diberi pencen \$500.00 sebulan serta tempat kediaman yang selesa baginya dan keluarganya di Singapura. Setelah mengangkat sumpah Che Kari dibebaskan untuk mengesani ayahnya. Che Kari berangkat ke rumah sepupunya Raja Mahmud di Selangor tetapi tidak ada. Seterusnya beliau ke Kelang, dan menemui ayahnya, Dato' Syahbandar Abdullah Tunggal yang berlingung di sebuah rumah kawannya. Setelah berbincang akhirnya Dato' Syahbandar Abdullah Tunggal bersedia pulang ke Sungai Ujong. Dato' Syahbandar Abdullah Tunggal pulang ke Sungai Ujong bersama dengan Raja Mahmud dan anaknya, Che Kari.

Di Sungai Ujong, pada 8 Zulkaedah 1291 (17 Disember 1874) Dato'

45 FCNS, 1876, No. 8, Sir A. Clarke kepada Earl of Carnavon, 29 Disember 1874, *enclosure* 18, Kapten S. Dunlop kepada Gabenor Negeri-Negeri Selat, 29 Disember 1874, T. Chelliah, "War in Negeri Sembilan 1874—1875", hlm. 36. C.N. Parkinson, *British Intervention in Malaya 1867—1877*, hlm. 180.

46 FCNS, 1876, No. 8, surat Sir A. Clarke kepada Earl of Carnavon, 29 Disember 1874, *enclosure* 18, Kapten S. Dunlop kepada Gabenor Negeri-Negeri Selat, 29 Disember 1874, *enclosure* 23, W.J.J. Tatham kepada Setiausaha Jajahan Negeri-Negeri Selat, 18 Disember 1874, T. Chelliah, "War in Negeri Sembilan 1874—1875", hlm. 37. C.N. Parkinson, *British Intervention in Malaya 1867—1877*, hlm. 180—81.

47 Abdul Majid bin Kari, "The History of the Life of Dato' Syahbandar Tunggal of Kapayang". C.N. Parkinson, *British Intervention in Malaya 1867—1877*, hlm. 181.

Syahbandar Abdullah Tunggal menurunkan tandatangan dan copnya ke atas surat yang memberi kuasa kepada Gabenor menghukumnya. Beliau mengaku salah kerana berperang dengan Dato' Klana di Sungai Ujong dan berjanji tidak akan melakukan serangan ke atas Dato' Klana dan Gabenor Negeri-Negeri Selat.<sup>48</sup> Dato' Syahbandar Abdullah Tunggal juga menurunkan tandatangan dan cop ke atas surat pada 15 Januari 1875 yang menyatakan kesanggupannya tinggal di Singapura dan tidak akan meninggalkan Singapura tanpa pengetahuan Gabenor Negeri-Negeri Selat.<sup>49</sup> Seterusnya beliau mengambil barang-barang yang diperlukan, bersama dengan keluarga dibawa ke Pelabuhan Klang untuk menaiki kapal api ke Singapura. Di Singapura, Dato' Syahbandar Abdullah Tunggal disediakan sebuah rumah yang selesa untuk beliau dan keluarga serta elaun sebanyak \$500.00 sebulan.<sup>50</sup> Manakala Haji Ahmad bin Muhammad Ali yang menyokong Dato' Klana Syed Abdul Rahman dilantik sebagai Dato' Syahbandar pada tahun 1874.<sup>51</sup> Dato' Syahbandar Abdullah Tunggal tinggal di Singapura sehinggalah beliau meninggal dunia. Jenazahnya dimakamkan di perkuburan berhampiran dengan makam Habib Noh.<sup>52</sup>

### Kesimpulan

Konflik yang pada mulanya berlaku di antara Dato' Klana dengan Dato' Syahbandar telah menjadi konflik di antara Dato' Klana dan British dengan Dato' Syahbandar. Kemudiannya pula apabila peperangan berlaku, pertempurannya adalah di antara pasukan British dengan pasukan Dato' Syahbandar Abdullah Tunggal. Dalam perang ini Dato' Syahbandar dikalahkan dan beliau telah dibuang negeri ke Singapura. Kekalahan Dato' Syahbandar Abdullah Tunggal menguatkan lagi kedudukan Dato' Klana Syed Abdul Rahman. Kini, beliau bukan sahaja tidak ada saingan daripada Dato' Syahbandar Abdullah Tunggal tetapi mendapat bantuan dan sokongan daripada pihak British. Di samping itu Kapten W.J.J. Tatham menjadi Penolong Residen British yang pertama di Sungai Ujong.<sup>53</sup>

Langkah Dato' Klana membawa masuk British di Sungai Ujong, sebenarnya bukan sahaja ditentang oleh Dato' Syahbandar Abdullah Tunggal tetapi tidak disukai oleh para pembesar lain, juga Tunku Antah. Namun begitu semasa konflik Bandar-Klana dan Bandar-Klana dan British, Tunku Antah tidak terlibat dalam konflik tersebut. Walaupun begitu ditegaskan bahawa Tunku Antah bersimpati dengan Dato' Syahbandar Abdullah Tunggal.<sup>54</sup> Kekalahan Dato' Syahbandar Abdullah Tunggal dan bertapaknya British di Sungai Ujong telah menyebabkan para pembesar, kecuali Dato' Klana Syed Abdul Rahman, telah menabalkan Tunku Antah

48 FCNS, 1876, No. 8, Sir A. Clarke kepada Earl of Carnarvon, 29 Disember 1874, *enclosure 22*, "Pengkakuan Dato' Syahbandar".

49 FCNS, 1876, No. 15, Sir A. Clarke kepada Earl of Carnarvon, 9 Februari 1875, *enclosure 2*, "Pengkakuan Dato' Syahbandar".

50 Abdul Majid bin Kari, "The History of the Life of Dato' Syahbandar Tunggal of Kapayang".

51 T. Chelliah, "War in Negeri Sembilan 1874—1875", hlm. 38.

52 Abdul Majid bin Kari, "The History of the Life of Syahbandar Tunggal of Kapayang".

53 T. Chelliah, "War in Negeri Sembilan 1874—1875", hlm. 38. C.N. Parkinson, *British Intervention in Malaya 1867—1877*, hlm. 184.

54 T. Chelliah, "War in Negeri Sembilan 1874—1875", hlm. 41.

sebagai Yang Dipertuan Besar Negeri Sembilan pada tahun 1875. Walaupun demikian Gabenor Negeri-Negeri Selat Sir William Jervois masih mengakui kedudukan Dato' Klana Syed Abdul Rahman, sebaliknya tidak mengiktiraf Yamtuan Tunku Antah sebagai Yang Dipertuan Negeri Sembilan.<sup>55</sup>

#### Singkatan

- FCNS — Further Correspondence relating to the affairs of certain Native States in the Malay Peninsula.
- JMBRAS — Journal of the Malayan Branch of the Royal Asiatic Society.
- t.t. — tidak bertarikh.

---

<sup>55</sup> C.N. Parkinson, *British Intervention in Malaya 1867—1874*, hlm. 276.